



UNTUK EDARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

**SAMBUTAN JUBLI EMAS LTAT KE-50 TAHUN  
MEMPERKASA HUBUNGAN DENGAN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN  
DAN MENGISYTIHAR PENGELUARAN KHAS SEHINGGA RM500  
KEPADA PARA PENCARUM**

**KUALA LUMPUR, 17 Ogos 2022:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melancarkan sambutan Jubli Emas yang ke-50 tahun dengan tema “Transformasi Nadi LTAT” yang berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, hari ini. Majlis pelancaran disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kanan Pertahanan. Turut hadir adalah YB Dato’ Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara), Pengerusi LTAT, Jen Tan Sri Dato’ Sri Affendi Bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera dan Dato’ Ahmad Nazim Abd Rahman, Ketua Eksekutif LTAT.

Pengerusi, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor (Bersara) berkata, “Sambutan Jubli Emas ini memberi peluang kepada LTAT untuk mengukuhkan hubungan dengan pihak berkepentingan utamanya iaitu anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah memberikan keyakinan dan kepercayaan mereka kepada LTAT dan sebagai penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan atas dedikasi, sumbangan, dan komitmen mereka dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pencarum”.

Sambutan Jubli Emas ini juga adalah untuk mengiktiraf peranan LTAT dan syarikat Kumpulan LTAT seperti Kumpulan Boustead, Kumpulan Affin dan Pharmaniaga Bhd

serta impak yang dibawa terutamanya kepada para pencarum LTAT sepanjang 50 tahun yang lalu dan perancangan masa depan LTAT dalam meneruskan perjalanan transformasinya ke arah menjadi dana persaraan yang mampan dan berdaya saing. Sebagai institusi keselamatan sosial, LTAT akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan sosio-ekonomi anggota-anggota dan veteran-veteran ATM melalui perbadanan-perbadanan di bawah naungan LTAT iaitu PERNAMA, PERHEBAT dan PPHM.

YB Menteri Kanan Pertahanan turut mengucapkan syabas kepada LTAT kerana telah berjaya memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan anggota ATM. Kejayaan LTAT telah dicapai atas hasil usaha yang tidak berbelah bagi pada peringkat kepimpinan Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan kakitangan LTAT yang menjadi faktor utama menyumbang kepada kelangsungan operasi LTAT selama ini.

Majlis pelancaran dimeriahkan lagi dengan pengumuman Pengeluaran Khas Jubli Emas LTAT oleh YB Menteri Kanan Pertahanan sebagai manfaat tambahan dan insentif bagi membantu menangani sedikit sebanyak beban kewangan para pencarum LTAT. Jumlah maksimum pengeluaran yang ditawarkan adalah sehingga RM500 secara 'one-off'. Permohonan pengeluaran ini boleh dibuat melalui Aplikasi MyWira mulai 10 Oktober dan akan ditutup pada 10 Disember 2022. Pembayaran pertama pula akan dilaksanakan bermula pada 19 hingga 23 Disember 2022.

Pelbagai program telah dirancang bagi memeriahkan lagi Sambutan Jubli Emas LTAT yang bermula dari bulan Ogos hingga Disember tahun ini. Di antaranya adalah ruang pameran oleh LTAT dan syarikat Kumpulannya di Foyer Wisma Pertahanan bermula dari 17 hingga 26 Ogos 2022, program jelajah atau *roadshow* ke kem-kem tentera yang terpilih di luar Lembah Klang, kempen cabutan bertuah khas untuk pencarum LTAT, Larian LTAT dan banyak lagi.

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA  
17 OGOS 2022**

## **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota Lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia serta anggota kerahan sukarela-

Di bawah skim LTAT, pencharum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT. Di bawah skim simpanan bagi pencharum sukarela, simpanan dibenarkan sekurang-kurangnya RM25 sebulan sehingga had maksimum RM2,000 sebulan.

LTAT menguruskan hampir RM9.7 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat Disember 2021, dengan portfolio pelaburan merangkumi pelbagai industri seperti pembangunan hartanah, perladangan, farmaseutikal, perbankan dan urusan kewangan serta industri berat. LTAT menawarkan aplikasi MyWIRA yang memberi kemudahan kepada pencharum untuk mengakses akaun mereka di mana sahaja, pada bila-bila masa. Aplikasi MyWIRA ini adalah merupakan alternatif kepada platform atas talian sediaada LTAT seperti e-Kiosks dan i-Wira.

### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

Jabatan Komunikasi  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Tingkat 8, Bangunan LTAT  
Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

E-mel: [intcomms@ltat.org.my](mailto:intcomms@ltat.org.my)  
Laman web: [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)